

Untuk kendurkan ketegangan di
Teluk Parsi – Mahathir

Malaysia tak akan tentang AS hantar tentera ke Arab Saudi

9 AUG 1990

KUALA LUMPUR 8 Ogos – Malaysia tidak akan menentang langkah Amerika Syarikat menghantar tentera dan kelengkapan perangnya ke Arab Saudi bagi mengendurkan ketegangan di Teluk Parsi.

Perdana Menteri (Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad) berkata, Malaysia bersetuju terhadap sebarang tindakan yang diambil oleh mana-mana negara yang berdasarkan kepada keputusan yang dibuat oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Kita akan mematuhi sebarang keputusan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terhadap Iraq berikutan pencerobohan negara itu ke atas Kuwait minggu lalu, katanya dalam persidangan akhbar sekembalinya beliau dari lawatan rasmi lima hari ke Venezuela malam ini.

Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sebagai anggota Majlis Keselamatan PBB, Malaysia akan melaksanakan keputusan tersebut sebaik sahaja majlis itu membuat keputusan termasuk sekatan ekonomi dan pembekuan harta Iraq dan Kuwait di negara ini.

"Ini kerana kita mahu supaya ada kerjasama erat antara negara-negara dalam PBB berkenaan masalah yang melanggar prinsip perhubungan antara sebuah negara dengan negara yang lain.

"Kita mempunyai pendirian tertentu iaitu tidak bersetuju terhadap sebarang usaha menyelesaikan masalah negara besar

dengan negara kecil dengan cara mencerooboh dan mendirikan kerajaan boneka di sana," jelas Perdana Menteri.

Amerika Syarikat hari ini mengambil keputusan menghantar tentera dan pesawat pejuang ke Arab Saudi bagi melindungi negara itu dari serangan Iraq.

Mengenai kesan ekonomi ke atas Malaysia berikutan pergolakan di Kuwait itu, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kemakmuran Malaysia bergantung kepada kemakmuran dunia kerana negara ini mempunyai hubungan dagang dengan negara lain.

Harga melambung

Tambah beliau, krisis di Kuwait itu menyebabkan harga minyak melambung tinggi dan ini akan melibatkan banyak kesan ekonomi terhadap banyak negara terutama negara membangun.

Malaysia tidak mahu melihat harga minyak naik terlalu tinggi dan paras harga yang dikira munasabah ialah tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah iaitu kira-kira AS\$20 setong seperti yang ditetapkan oleh OPEC, jelasnya.

Ditanya sama ada PETRONAS akan menambahkan pengeluarannya berikutan krisis tersebut, Perdana Menteri berkata, kebolehan Malaysia meningkatkan pengeluaran minyak adalah terhad tetapi kalau perlu perkara itu akan ditimbang.